

3766/1
PERNIAGAAN
KERTAS 1
SEPTEMBER 2024
1 JAM 15 MINIT

NO KAD PENGENALAN

							-			-				
--	--	--	--	--	--	--	---	--	--	---	--	--	--	--

Nama Pelajar :

Tingkatan :



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)
(CAWANGAN KELANTAN)

MODUL KOLEKSI ITEM
PERCUBAAN SPM
2024

PERNIAGAAN
KERTAS 1
MASA : SATU JAM LIMA BELAS MINIT

ARAHAN:

1. Kertas ini mengandungi 40 soalan objektif.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf A, B, C dan D. Bagi tiap-tiap soalan pilih satu jawapan sahaja. Tandakan semua jawapan anda pada kertas jawapan disediakan.
4. Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru
5. Penggunaan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan adalah dibenarkan.

Kertas soalan ini mengandungi **16** halaman bercetak

- 1 Antara berikut, perkara manakah yang berkaitan dengan maksud perniagaan?
- I Memberi sumbangan sosial kepada masyarakat
 - II Melibatkan urusan jual beli barang dan perkhidmatan
 - III Aktiviti urusan niaga mendapat keuntungan untuk peniaga
 - IV Menghasilkan pelbagai barang dan perkhidmatan
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 2 Pernyataan manakah yang menerangkan persamaan antara perniagaan bersaiz kecil dengan perniagaan bersaiz sederhana?
- A Pengkhususan kerja mudah dilakukan
B Perniagaan menikmati ekonomi bidang
C Pekerja mudah memperoleh pengalaman
D Perubahan dalam strategi perniagaan mudah dilaksanakan
- 3 Maklumat menunjukkan perubahan jenis pemilikan perniagaan.

Syarikat Deli Ventures Sdn. Bhd.



Syarikat Deli Ventures Berhad

Mengapakah perubahan tersebut berlaku?

- A Membolehkan ahli menanggung liabiliti terhad
B Menggalakkan pengumpulan modal lebih besar
C Membenarkan kawalan ahli ke atas perjalanan syarikat
D Memudahkan pertukaran ahli Lembaga Pengarah syarikat


4 Maklumat berikut berkaitan dengan ciri-ciri suatu bentuk pemilikan perniagaan.

- Aktiviti tidak berunsur politik
- Melaksanakan kegiatan ekonomi untuk keperluan ahli
- Setiap anggota mempunyai hak mengundi dalam mesyuarat agung

Apakah bentuk pemilikan tersebut?

- A Koperasi
- B Perkongsian
- C Milikan tunggal
- D Syarikat Sendirian Berhad

5 Rajah 1 berkaitan dengan sektor perniagaan.



Rajah 1

Apakah bidang pekerjaan yang terlibat dalam sektor X?

- A Perusahaan Otomobil Kedua Sendirian Berhad (PERODUA)
- B Hijrah Kembara Travel & Tours Sdn. Bhd.
- C Syarikat Perladangan Sime Darby
- D Syarikat Batik Air Malaysia

6 Apakah peranan francais?

- A Menyediakan latihan dan kursus
- B Menjalankan aktiviti promosi bersepadu
- C Membuat pembayaran dalam bentuk fi
- D Menyediakan peralatan dan sumber kewangan

- 7 Maklumat berikut berkaitan suatu peranan agensi kerajaan dalam ekonomi.

Mengawal penawaran wang dalam ekonomi bagi mengatasi masalah kemelesetan ekonomi atau inflasi.

Apakah agensi kerajaan tersebut?

- A Bank Negara Malaysia (BNM)
 - B Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)
 - C Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB)
 - D Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE)
- 8 Bagaimanakah kerajaan membantu peniaga memajukan perniagaan mereka?
- I Memupuk kesedaran perlindungan pengguna dalam kalangan peniaga
 - II Menyedarkan peniaga tentang tanggungjawab terhadap masyarakat
 - III Mengadakan latihan dan kursus dalam pengurusan perniagaan
 - IV Mempromosikan keluaran tempatan di pasaran antarabangsa
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 9 Maklumat berikut berkaitan dengan pengangguran.

Perubahan dalam industri secara keseluruhan menyebabkan kemahiran pekerja tidak lagi diperlukan.

Apakah jenis pengangguran tersebut?

- A Kitaran
- B Struktur
- C Bermusim
- D Teknologi

- 10 Faktor persekitaran yang manakah membawa kepada perubahan perniagaan?

	Faktor Dalaman	Faktor Luaran
A	Teknologi	Kewangan
B	Sosiobudaya	Politik
C	Sumber manusia	Ekologi
D	Pemasaran	Teknologi Maklumat

- 11 Maklumat berikut berkaitan dengan satu jenis pasaran.

Produk yang dikeluarkan adalah untuk ditawarkan kepada semua pengguna seperti sabun pencuci dan sos tomato.

Apakah jenis pasaran tersebut?

- A Pasaran produk
 - B Pasaran kewangan
 - C Pasaran untuk semua (mass market)
 - D Pasaran dalam talian (online)
- 12 Apakah faktor yang perlu dipertimbangkan untuk menetapkan visi, misi dan objektif perniagaan ?
- A Kewangan
 - B Sosiobudaya
 - C Jangka masa
 - D Daya saing

- 13 Maklumat berikut berkaitan dengan ciri-ciri objektif.

Objektif syarikat untuk meningkatkan hasil jualan dari 15% (tahun 2023) kepada 30% (tahun 2024).

Apakah objektif tersebut?

- A Boleh diukur (Measurable)
 - B Munasabah (Realistic)
 - C Boleh dicapai (Attainable)
 - D Jangka masa (Time frame)
- 14 Maklumat di bawah diperoleh daripada Syarikat Sepatu Selesa Sdn. Bhd.

Kos tetap : RM168 000
Harga sepasang kasut sekolah : RM40
Kos berubah seunit : RM8

Berapa pasang kasut yang perlu dijual untuk mencapai Titik Pulang Modal?

- A 3 500
 - B 4 200
 - C 5 250
 - D 7 570
- 15 Apakah langkah yang perlu diambil oleh peniaga sekiranya gagal mencapai objektif?
- I Mengurangkan kos operasi
 - II Menaikkan harga produk
 - III Memberi bonus kepada pekerja
 - IV Mempelbagaikan barang dan perkhidmatan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

16 Apakah maksud bahagian fungsian?

- A Maklumat tentang bahagian fungsian dengan tepat
- B Satu perancangan jangka pendek dan jangka panjang
- C Hala tuju organisasi dalam pembuatan sesuatu keputusan
- D Rantailan organisasi yang mengandungi tanggungjawab dan fungsi khusus

17 Maklumat berikut berkaitan dengan peranan satu bahagian fungsian.

- Memeriksa semua tempahan
- Melibatkan aktiviti pengumpulan, pengangkutan dan pengedaran barang
- Berkait rapat dengan bahagian fungsian pengeluaran dan jualan

Apakah bahagian fungsian tersebut ?

- A Pentadbiran
- B Pengagihan
- C Penyelidikan dan pembangunan
- D Teknologi maklumat dan komunikasi


18 Pilih pernyataan yang berkaitan dengan bahagian fungsian jualan.

- I Menyediakan sebut harga untuk pelanggan
 - II Menyemak dan mengemas kini rekod pengguna
 - III Menjalankan penyelidikan untuk mengetahui citarasa pelanggan
 - IV Menyediakan pakar bagi memberi maklumat mengikut kehendak pelanggan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

Join SPM Study Group
<https://spmpaper.me/group>



19 Gambar 1 menunjukkan peralatan yang digunakan dalam organisasi perniagaan.



Gambar 1

Apakah kelebihan penggunaan alat tersebut?

- A Menukarkan input kepada output
- B Memastikan produk berkualiti dapat dihasilkan
- C Menjadikan operasi perniagaan menjadi lebih cekap dan berkesan
- D Memastikan barang yang dihasilkan sampai ke tangan pengguna

20 Gambar 2 menunjukkan sejenis perkhidmatan.



Gambar 2

Apakah saluran agihan yang sesuai bagi perkhidmatan di atas?

- A Pengeluar → Pemborong → Peruncit → Pengguna
- B Pengeluar → Ejen → Pengguna
- C Pengeluaran → Peruncit → Pengguna
- D Pengeluar → Pemborong → Pengguna

21 Apakah maksud penjanaan idea dalam aktiviti pembangunan produk baharu?

- A Menghasilkan produk yang berpotensi
- B Proses memenuhi keperluan pasaran
- C Mereka bentuk produk
- D Proses membuat keputusan

22 Maklumat berikut berkaitan dengan peranan pengurusan sumber manusia.

Pekerja diberi penerangan tentang tanggungjawab dan tugas.

Apakah peranan tersebut?

- A Membangunkan pasukan bagi mencapai sasaran
- B Membentuk persekitaran kerja yang harmoni
- C Memantapkan budaya profesional
- D Merancang deskripsi tugas

23 Antara berikut, faktor yang manakah mendorong sesebuah perniagaan menawarkan skim penamatan perkhidmatan secara sukarela (VSS)?

- I Prestasi pekerja rendah
- II Kemelesetan ekonomi dunia
- III Penurunan jumlah jualan tahunan
- IV Kekurangan sumber teknologi

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

24 Pernyataan manakah berkaitan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)?


- A Mewajibkan caruman ke atas majikan dan pekerja
- B Memberi bayaran tunai berdasarkan prestasi pekerja
- C Menyediakan bantuan perubatan kepada pekerja
- D Melindungi majikan daripada tuntutan pekerja

25 Antara berikut , sumber teknologi yang manakah terlibat bagi syarikat perfileman?

- I Lesen perisian
- II Kemahiran mengedit video
- III Peralatan rakaman
- IV Bangunan studio

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

26 Rajah 2 berkaitan dengan prosedur mengurus sumber fizikal.




Rajah 2

Apakah contoh yang sesuai bagi **R**?

- A Menjamin kesetiaan pekerja
- B Kawalan kerugian akibat kecurian
- C Latihan kebakaran dan kecemasan
- D Pemeriksaan mesin dua kali sebulan

27 Maklumat berikut berkaitan dengan sumber pembiayaan dalaman.



- A Simpanan peribadi
- B Pajak
- C Rizab
- D Syer

28 Antara berikut, faktor yang manakah akan dipertimbangkan oleh pihak bank untuk meluluskan sesuatu pinjaman?

- I Nilai aset yang dicagarkan
- II Nama perniagaan
- III Bilangan rakan kongsi
- IV Tempoh bayaran balik pinjaman

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

29 Apakah contoh kos berubah?

- A Sewa kilang
- B Harga jentera
- C Premium insurans
- D Bayaran bahan mentah

- 30 Maklumat berikut diambil daripada penyata aliran tunai perniagaan Puan Sarah yang mengusahakan tanaman buah naga pada bulan Januari 2023.

Tunai di tangan	RM60 000
Penerimaan	RM135 000
Pembayaran	RM89 000
Kelengkapan	RM20 000

Berapakah baki akhir bulan Januari 2023?

- A RM86 000
 - B RM106 000
 - C RM126 000
 - D RM175 000
- 31 Maklumat berikut diperoleh daripada Syarikat Teguh Hardware Sdn. Bhd.

Nisbah semasa Syarikat Teguh Hardware Sdn. Bhd. ialah 4 : 1.

Apakah taksiran mengenai nisbah tersebut?

- A Setiap RM1 liabiliti semasa, syarikat mempunyai RM4 aset semasa untuk menjelaskannya
- B Jika RM4 dilaburkan, syarikat memperoleh untung bersih sebanyak RM1
- C Separuh daripada jumlah aset adalah aset semasa
- D Jumlah aset melebihi empat kali ganda liabiliti

- 32 Maklumat berikut berkaitan sejenis kos pengeluaran.

Pihak pengurusan Kilang Elektronik Seng membayar insurans setiap bulan untuk melindungi mesin dan kelengkapan daripada risiko kebakaran.

Apakah kos tersebut?

- A Kos berubah
 - B Kos jualan
 - C Kos tetap
 - D Kos stok
- 33 Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan sifat usahawan inovatif?
- I Kebolehan mencipta produk yang belum ada di pasaran
 - II Kebolehan menghasilkan produk standing pesaing
 - III Kemampuan membuat perubahan ke atas produk
 - IV Keupayaan menambah baik produk sedia ada
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

34 Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis stok.

- Stok yang mengambil masa lama untuk dijual.
- Risiko tinggi kerana stok mudah rosak dan ketinggalan zaman.

Apakah jenis stok tersebut?

- A Stok bergerak pantas
- B Stok bergerak perlahan
- C Stok bergerak langsung
- D Stok bergerak malar

35 Apakah kekuatan diri usahawan dalam membina rangkaian perniagaan?

- A Menyelesaikan masalah kecil terlebih dahulu
- B Kemahiran pembangunan karektar diri
- C Perhubungan baik dengan pasangan
- D Keupayaan membina jenama

36 Faktor manakah yang perlu dipertimbangkan oleh usahawan untuk memulakan perniagaan?

- I Pemilihan lokasi
- II Pemasaran
- III Persaingan
- IV Pengagihan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

37 Apakah dokumen perniagaan yang digunakan dalam urusan secara kredit?

- A Surat pesanan
- B Invois
- C Resit
- D Nota debit

38 Maklumat berikut berkaitan dengan kaedah promosi perniagaan.

- Maklumat mempunyai kredibiliti yang tinggi
- Kos siaran ditanggung oleh pihak media massa

Apakah kaedah promosi tersebut?

- A Jualan Langsung
- B Bunting
- C Publisiti
- D Pengiklanan

39 Apakah faedah yang diperolehi oleh peniaga apabila mendaftarkan perniagaan di Suruhanjaya Syarikat Malaysia(SSM)?

- A Melayakkan mendapat pelbagai pinjaman
- B Mendapat ganjaran wang daripada SSM
- C Mendapatkan cagaran daripada pihak bank
- D Memudahkan usahawan menyediakan dasar perniagaan

40 Antara berikut, pihak manakah yang berkepentingan terhadap rancangan perniagaan?

- I Pekerja bawahan
- II Penyelia perniagaan
- III Pemilik perniagaan
- IV Pelabur

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

KERTAS SOALAN